3. **PENYAKIT, KEWABAKAN ATAU KESAKITAN** bermaksud keadaan fizikal yang ditandai oleh lencongan patologi berbanding keadaan kesihatan normal.
4. **HILANG UPAYA** bermaksud Penyakit, Kewabakan, Kesakitan atau keseluruhan Kecederaan yang timbul daripada satu atau beberapa siri penyebab.
5. **MANA-MANA SATU PENYAKIT** bermaksud semua tempoh penyakit yang timbul daripada sebab yang sama termasuk mana-mana dan semua komplikasinya kecuali jika Orang Diinsuranskan pulih sepenuhnya dan bebas daripada rawatan selanjutnya (termasuk dadah, ubat, diet khas atau suntikan atau nasihat tentang keadaannya) daripada hilang upaya tersebut selama sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar hospital dan hilang upaya berikutnya daripada sebab yang sama hendaklah dianggap seolah-olah ia adalah hilang upaya baharu.
6. **KEADAAN KONGENITAL** bermaksud sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, serta keabnormalan fizikal neo-natal yang bermula dalam masa 6 bulan selepas dilahirkan. Ia termasuk semua jenis hernia dan epilepsi kecuali disebabkan oleh trauma yang berlaku selepas tarikh Orang Diinsuranskan dilindungi secara berterusan di bawah Polisi ini.
7. **KANAK-KANAK** bermaksud mana-mana orang yang telah berumur 30 hari dan masih bujang, merupakan tanggungan kewangan Orang Diinsuranskan dan di bawah umur 18 tahun, atau sehingga umur 23 tahun untuk mereka yang berdaftar sebagai penuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
8. **TANGGUNGAN** bermaksud mana-mana satu orang yang berikut:
 - a) pasangan yang dikahwini secara sah
 - b) anak-anak belum berkahwin berumur melebihi 30 hari tetapi di bawah sembilan belas (19) tahun atau berumur dua puluh tiga (23) tahun yang masih menuntut sepenuh masa, dan belum bekerja.
9. **PERBELANJAAN LAYAK** bermaksud perbelanjaan yang Diperlukan Secara Perubatan ditanggung akibat Hilang Upaya dilindungi tetapi melebihi had di dalam jadual.
10. **DIPERLUKAN SECARA PERUBATAN** bermaksud khidmat perubatan yang mana:
 - a) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk Hilang Upaya dilindungi; dan

- b) selaras dengan standard amalan perubatan, konsisten dengan standard penjagaan perubatan profesional semasa, dan manfaat perubatan terbukti; dan
 - c) bukan untuk kemudahan Orang Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat disediakan di luar hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam); dan
 - d) bukan berbentuk uji kaji, siasatan atau penyelidikan, berbentuk pencegahan atau saringan,
 - e) yang mana bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa diamalkan bagi Hilang Upaya tersebut.
11. **CAJ BIASA DAN BERPATUTAN** bermaksud caj untuk penjagaan perubatan yang perlu secara perubatan yang dianggap munasabah dan biasa setakat mana ia tidak melebihi had bayaran biasa yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya di tempat bayaran itu dikenakan, apabila memberikan rawatan, perkhidmatan atau bekalan yang serupa atau setanding bekalan kepada individu dengan jantina dan kategori umur yang sama, untuk sakit, penyakit atau kecederaan yang sama dan selaras dengan standard perubatan yang diterima dan amalan tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan keadaan perubatan Orang Diinsuranskan.
12. **KEADAAN SEDIA-ADA** bermaksud keadaan yang diketahui oleh Orang Diinsuranskan. Orang Diinsuranskan dianggap telah mengetahui tentang keadaan sedia ada di mana untuk keadaan tersebut: -
- a) Orang Diinsuranskan telah atau sedang menerima rawatan; atau
 - b) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan disarankan; atau
 - c) simptom yang jelas dan ketara telah atau sedang kelihatan; atau
 - d) kewujudannya jelas dan nyata pada orang biasa dalam keadaan tersebut.
13. **PENYAKIT SPESIFIK** bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang wujud di dalam masa 120 hari pertama Insurans bagi Orang Diinsuranskan:
- a) Hipertensi, diabetes mellitus dan penyakit Kardiovaskular
 - b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu karang di dalam sistem kencing dan sistem biliari (hempedu)
 - c) Semua keadaan telinga, hidung (termasuk sinus) dan kerongkong/tekak
 - d) Hernia, buasir, fistulae, hidrocele, varikokele
 - e) Endometriosis termasuk penyakit sistem Reproduksi
 - f) Kerosakan spinal-tulang (termasuk disk) dan keadaan lutut
14. **DIMASUKKAN KE HOSPITAL** bermaksud dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan Diperlukan Secara Perubatan bagi Hilang Upaya yang dilindungi apabila disyorkan oleh doktor. Pesakit tidak akan dianggap sebagai pesakit dalam jika pesakit tidak tinggal secara fizikal di hospital sepanjang tempoh dimasukkan.
15. **UNIT RAWATAN RAPI** bermaksud bahagian di dalam Hospital yang dinamakan sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan yang diselenggara secara dua puluh empat (24) jam hanya untuk rawatan bagi pesakit yang berada di dalam keadaan kritikal dan dilengkapi untuk menyediakan khidmat kejururawatan dan perubatan khas yang tidak disediakan di tempat lain di Hospital.
16. **PESAKIT LUAR** bermaksud Orang Diinsuranskan sedang menerima penjagaan atau rawatan perubatan tanpa dimasukkan ke hospital dan termasuk rawatan di pusat Jagaan Harian.
17. **TEMPOH MENUNGGU** bermaksud 30 hari pertama antara bermulanya hilang upaya Orang Diinsuranskan dan bermulanya tarikh Polisi/tarikh pengembalian semula, dan diguna pakai hanya apabila orang itu dilindungi buat pertama kali. Ia tidak diguna pakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika berlaku insurans terhenti, maka Tempoh Menunggu akan bermula sekali lagi.
18. **HAD TAHUNAN KESELURUHAN** bermaksud Manfaat dibayar ke atas perbelanjaan yang ditanggung untuk rawatan yang diberikan kepada Orang Diinsuranskan semasa tempoh insurans yang terhad kepada Had Tahunan Keseluruhan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat tanpa mengambilkira jenis hilang upaya. Sekiranya Had Tahunan Keseluruhan telah dibayar, semua insurans untuk Orang Diinsuranskan di sini akan dihentikan serta-merta daripada dibayar untuk baki tahun polisi.

BERKAITAN DENGAN PEMBEKAL PERUBATAN

1. **PEMBEDAHAN HARIAN**
Pesakit yang perlu menggunakan kemudahan pemulihan untuk prosedur pembedahan secara pra-rancang di klinik hospital / pakar (tetapi bukan untuk bermalam).
2. **HOSPITAL** bermaksud hanya perbadanan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit katil-berbayar; dan di mana
 - a) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama,
 - b) menyediakan khidmat kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat graduan berdaftar,
 - c) di bawah penyeliaan Pakar Perubatan, dan
 - d) bukan secara utamanya sebuah klinik; tempat penjagaan kustodi untuk penagih alkohol atau penagih dadah; rumah penjagaan, rehat atau pemulihan atau rumah untuk orang-orang tua atau perbadanan seumpamanya.
3. **HOSPITAL KERAJAAN MALAYSIA** bermaksud hospital yang mana caj perkhidmatannya tertakluk kepada Akta Yuran 1951, Arahan Yuran (Perubatan) 1982 dan/atau pindaan berikutnya jika ada.

4. **UBAT PRESKRIPSI** bermaksud ubat yang diberikan oleh Pakar Perubatan, Ahli Farmasi Berdaftar atau Hospital dan yang telah dipreskripsikan oleh Pakar Perubatan atau Pakar bagi rawatan Hilang Upaya yang dilindungi.
5. **DOKTOR** atau **PAKAR PERUBATAN** atau **PAKAR BEDAH** bermaksud pengamal perubatan layak berdaftar dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang mana, sewaktu menjalankan rawatan, mengamalkan apa yang dibenarkan menurut skop lesen dan latihan beliau di kawasan geografi amalan, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan itu sendiri.
6. **DOKTOR GIGI** bermaksud orang yang dilesenkan atau didaftarkan untuk menjalankan amalan pergigian di kawasan geografi di mana sesuatu perkhidmatan tersebut disediakan, tetapi tidak termasuk pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan itu sendiri
7. **PAKAR** bermaksud pengamal perubatan atau pergigian berdaftar dan berlesen di kawasan geografi amalan di mana rawatan dijalankan dan yang diklasifikasikan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai seseorang yang mempunyai kepakaran tinggi dan khusus, pakar dalam bidang-bidang spesifik perubatan atau pergigian tertentu tetapi tidak termasuk pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan itu sendiri.
8. **PEMBEDAHAAN** bermaksud salah satu prosedur perubatan berikut:
 - a) Untuk melakukan insisi, eksisi atau elektrokauteri mana-mana organ atau bahagian tubuh, kecuali untuk perkhidmatan pergigian
 - b) Untuk membaiki, mengubah atau membina-semula mana-mana organ atau bahagian tubuh.
 - c) Untuk mengurangkan melalui manipulasi sesuatu fraktur atau dislokasi
 - d) Penggunaan endoskopi untuk membuang batu atau objek dari larinks, brokus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra

BUTIRAN MANFAAT

1. BILIK DAN PENGINAPAN HOSPITAL

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan Yang Diperlukan Secara Perubatan untuk bilik penginapan dan makanan. Jumlah manfaat adalah bersamaan dengan caj sebenar yang dikenakan oleh Hospital semasa Orang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital, dan manfaat ini tidak boleh, walau untuk satu hari, melebihi kadar Manfaat Bilik dan Penginapan, dan jumlah hari maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Orang Diinsuranskan hanya berhak mendapat manfaat ini semasa dimasukkan ke hospital sebagai pesakit-dalam.

2. UNIT RAWATAN RAPI

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan Yang Diperlukan Secara Perubatan untuk bilik dan penginapan sebenar semasa dimasukkan sebagai pesakit-dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital. Manfaat ini akan dibayar bersamaan dengan caj sebenar yang dibuat oleh Hospital tertakluk kepada manfaat maksimum untuk mana-mana satu hari, dan jumlah maksimum hari, sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Sekiranya tempoh dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi melebihi had maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat, pembayaran balik adalah terhad kepada kadar standard Bilik dan Penginapan Hospital Harian.

Tiada Manfaat Bilik dan Penginapan Hospital akan dibayar untuk tempoh kemasukan yang sama di mana Manfaat Harian Unit Rawatan Rapi telah dibayar.

3. YURAN PEMBEDAHAN

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan Yang Diperlukan Secara Perubatan untuk pembedahan oleh Pakar, termasuk lawatan penilaian pra-pembedahan oleh Pakar kepada Orang Diinsuranskan dan penjagaan pasca-pembedahan sehingga jumlah hari maksimum bermula dari tarikh pembedahan, tetapi tertakluk kepada jumlah maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Jika lebih dari satu pembedahan dijalankan untuk Mana-mana Satu Penyakit, jumlah bayaran untuk semua pembedahan yang dijalankan tidak boleh melebihi had maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

4. YURAN PAKAR ANESTESIA

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan oleh Pakar Anestesia untuk pelaksanaan anestesia Yang Diperlukan Secara Perubatan tidak melebihi had yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

5. DEWAN BEDAH

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan Bilik Bedah yang berkaitan dengan prosedur pembedahan.

6. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN HOSPITAL

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan Yang Diperlukan Secara Perubatan yang dikenakan sebenarnya untuk kejururawatan, ubat-ubatan dan dadah yang dipreskripsikan dan digunakan, balutan, penganduh, kas plaster, sinar-x, pemeriksaan makmal, elektrokardiogram, fisioterapi, ujian metabolisme asas, suntikan dan cairan intravena, pelaksanaan transfusi darah dan plasma darah tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma semasa Orang Diinsuranskan dimasukkan sebagai pesakit-dalam di Hospital, sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

7. LAWATAN DOKTOR PERUBATAN DALAM-HOSPITAL

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan oleh Doktor Perubatan untuk melawat pesakit-dalam berbayar yang Diperlukan Secara Perubatan semasa dimasukkan ke hospital untuk penyakit tanpa-pembedahan, tertakluk kepada maksimum 1 lawatan sehari tidak melebihi jumlah hari maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

8. PERKHIDMATAN DIAGNOSTIK PRA-HOSPITAL

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan Yang Diperlukan Secara Perubatan untuk ECG, sinar-X dan ujian makmal yang dilakukan untuk tujuan diagnostik semasa berlaku kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan Penyakit sebelum kemasukan ke hospital tidak melebihi jumlah hari dan had maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat di Hospital dan telah disarankan oleh pengamal perubatan yang layak. Tiada bayaran akan dibuat jika selepas perkhidmatan diagnostik dibuat, Orang Diinsuranskan tidak dimasukkan ke hospital untuk merawat keadaan perubatan yang telah didiagnos. Ubat-ubatan dan konsultasi yang dicaj oleh pengamal perubatan tidak akan dibayar.

9. KONSULTASI PAKAR PRA-HOSPITAL

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan untuk konsultasi kali pertama oleh Pakar mengenai Penyakit tidak melebihi jumlah hari maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat sebelum dimasukkan ke Hospital dan tertakluk bahawa konsultasi tersebut adalah Diperlukan Secara Perubatan dan telah disarankan secara bertulis oleh pengamal perubatan am yang merawat.

Bayaran tidak akan dibuat untuk rawatan klinikal (termasuk ubat-ubatan dan konsultasi susulan selepas Penyakit didiagnos) atau di mana Orang Diinsuranskan tidak dimasukkan ke hospital untuk merawat keadaan perubatan yang telah didiagnos.

10. RAWATAN PESAKIT LUAR KECEMASAN AKIBAT KEMALANGAN

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan yang ditanggung akibat kecederaan tubuh badan yang dilindungi akibat Kemalangan untuk rawatan yang Diperlukan Secara Perubatan sebagai pesakit luar di mana-mana klinik berdaftar atau hospital dalam masa 24 jam selepas Kemalangan yang menyebabkan Kecederaan tubuh badan yang dilindungi, sehingga jumlah maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Rawatan susulan oleh doktor yang sama atau klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk kecederaan tubuh badan yang dilindungi yang sama akan disediakan tidak melebihi had dan jumlah hari maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

11. RAWATAN PASCA-HOSPITAL

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan yang ditanggung untuk rawatan susulan oleh Doktor Perubatan sama yang Diperlukan Secara Perubatan, tidak melebihi jumlah hari dan had maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat serta-merta selepas dibenarkan pulang dari Hospital untuk Penyakit bukan-pembedahan. Ia termasuk ubat-ubatan yang dipreskripsi semasa rawatan susulan tetapi tidak boleh melebihi bekalan yang diperlukan untuk jumlah hari maksimum sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

12. YURAN AMBULANS

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans domestik yang diperlukan (termasuk atendan) ke dan/atau dari Hospital yang dimasukkan. Bayaran tidak akan dibuat jika Orang Diinsuranskan tidak dimasukkan ke hospital dan tertakluk kepada had yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

13. ELAUN PENDAPATAN HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN

Bayaran elaun harian untuk setiap hari sewaktu dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia akibat Penyakit yang dilindungi, tertakluk bahawa Orang Diinsuranskan telah dicaj dengan kadar Bilik dan Penginapan yang tidak melebihi had maksimum yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Tiada bayaran akan dibuat jika Orang Diinsuranskan dipindahkan dari atau ke mana-mana hospital swasta dan Hospital Kerajaan Malaysia untuk penyakit yang dialami.

14. RAWATAN FISIOTERAPI PESAKIT LUAR

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan yang ditanggung untuk rawatan fisioterapi yang dirujuk secara bertulis oleh Doktor Pakar Perubatan berlesen selepas Pembedahan atau rawatan dalam-Hospital, dalam masa sembilan puluh (90) selepas dibenarkan pulang dari Hospital untuk Mana-mana Satu Penyakit.

Bagaimanapun, tiada bayaran akan dibuat untuk ubat/rawatan dan konsultasi seterusnya dengan Pakar Perubatan yang sama.

15. RAWATAN KANSER PESAKIT-LUAR TAHUNAN

Jika Orang Diinsuranskan didiagnos mengidap Kanser yang dinyatakan di bawah, Syarikat akan membayar balik Caj Biasa dan Berpatutan yang ditanggung untuk rawatan kanser yang Diperlukan Secara Perubatan yang dilakukan di pusat rawatan kanser berdaftar secara sah, tertakluk kepada had hilang upaya ini sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

Rawatan tersebut (radioterapi atau kemoterapi tidak termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan, dadah ubat-ubatan dibawa-pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar Hospital atau pusat rawatan kanser berdaftar serta-merta selepas dibenarkan pulang dari dimasukkan ke Hospital atau pembedahan.

Kanser ditakrifkan sebagai ketumbuhan tidak terkawal dan perebakan sel-sel malignan serta serangan dan pemusnahan tisu-tisu normal di mana rawatan pencegahan atau pembedahan utama (kecuali prosedur endoskopik sahaja) dianggap perlu. Kanser ini mesti disahkan oleh bukti histologi malignan. Keadaan berikut adalah dikecualikan.

- (a) Karsinoma in situ termasuk serviks;
- (b) Karsinoma Duktal payu dara in situ;
- (c) Karsinoma Papilari pundi kencing & Kanser Prostat tahap 1;
- (d) Semua kanser kulit kecuali melanoma malignan;
- (e) Penyakit Hodgkin Tahap 1;
- (f) Tumor terhasil akibat komplikasi AIDS

Ia adalah syarat khusus Manfaat ini iaitu tanpa mengambilkira pengecualian keadaan sedia-ada, Manfaat ini tidak akan dibayar kepada mana-mana Orang Diinsuranskan yang telah didiagnos sebagai pesakit kanser dan/atau sedang menerima rawatan kanser sebelum tarikh kuat kuasa perlindungan.

16. RAWATAN DIALISIS BUAH PINGGANG PESAKIT-LUAR TAHUNAN

Jika Orang Diinsuranskan didiagnos dengan Kegagalan Buah Pinggang yang dinyatakan di bawah, Syarikat akan membayar balik Caj Biasa dan Berpatutan yang ditanggung untuk rawatan dialisis buah pinggang yang Diperlukan Secara Perubatan yang dilakukan di pusat dialisis berdaftar secara sah, tertakluk kepada had hilang upaya ini sebagaimana ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Rawatan tersebut (dialisis tidak termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan, dadah ubat-ubatan dibawa-pulang) hendaklah diterima di jabatan pesakit luar Hospital atau pusat dialisis berdaftar serta-merta selepas dibenarkan pulang dari dimasukkan ke Hospital atau pembedahan.

Kegagalan Buah Pinggang bermaksud kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang wujud sebagai kegagalan kronik tidak boleh dipulihkan untuk kedua-dua buah pinggang berfungsi dan mengakibatkan dialisis buah pinggang perlu dilakukan.

Ia adalah syarat khusus Manfaat ini iaitu tanpa mengambilkira pengecualian keadaan sedia-ada, Manfaat ini tidak akan dibayar kepada mana-mana Orang Diinsuranskan yang telah mengidap hilang upaya buah pinggang kronik dan/atau sedang menerima rawatan dialisis sebelum tarikh kuatkuasa perlindungan.

17. PEMINDAHAN ORGAN

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan yang ditanggung untuk pembedahan pemindahan di mana Orang Diinsuranskan adalah penerima pemindahan buah pinggang, jantung, paru-paru, hati atau sum-sum tulang. Bayaran untuk Manfaat ini sah untuk hanya sekali sahaja sepanjang hayat sewaktu polisi berkuatkuasa dan akan tertakluk kepada had yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat. Kos pemerolehan organ dan semua kos yang ditanggung oleh penderma tidak dilindungi.

18. MANFAAT PENJAGA HARIAN ANAK DIINSURANSKAN

Pembayaran balik (sehingga had yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat) perbelanjaan makanan dan penginapan yang ditanggung untuk menemani Anak Diinsuranskan (berumur di bawah lima belas (15) tahun) di dalam hospital sehingga jumlah hari maksimum yang ditetapkan di dalam Jadual Manfaat.

19. CUKAI PERKHIDMATAN KERAJAAN

Pembayaran balik Cukai Perkhidmatan Kerajaan 6% ke atas caj sebenar Bilik dan Penginapan tertakluk kepada had manfaat harian maksimum sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

20. YURAN LAPORAN PERUBATAN

Pembayaran balik Caj Biasa dan Berpatutan untuk melengkapkan Laporan Perubatan oleh Doktor atau Pakar Bedah yang merawat tidak melebihi had maksimum sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

PENGECUALIAN

Kontrak ini tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital, pembedahan atau caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) perkara berikut:

1. Penyakit sedia-ada.
2. Penyakit Spesifik berlaku dalam tempoh 120 hari pertama perlindungan berterusan.
3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama perlindungan Orang Diinsuranskan atau tarikh pengembalian semula yang mana lebih awal kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.
4. Pembedahan Plastik/Kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, kanta dan refraksi atau pembedahan pembetulan rabun jauh (Keratotomy Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau bahan prostetik luaran seperti anggota badan tiruan, alat bantuan pendengaran, pemasangan perentak jantung dan preskripsi seumpamanya.
5. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali yang perlu disebabkan oleh Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asal elok yang berlaku sepenuhnya semasa Tempoh Insurans.
6. Penjagaan persendirian, rawatan kerehatan atau penjagaan sanitaria, penyalahgunaan dadah, ketagihan alkohol, pemandulan, penyakit kelamin dan kesan sampingannya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Komplikasi Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit berjangkit yang perlu dikuarantinkan di bawah undang-undang.
7. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk keadaan yang diwarisi.
8. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan dan penjagaan dan pembedahan sebelum melahirkan atau selepas melahirkan, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, atau rawatan berkaitan ketidaksuburan. Disfungsi erektile dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pemandulan.
9. Dimasukkan ke hospital untuk tujuan siasatan, diagnosis, pemeriksaan sinaran-x, pemeriksaan perubatan atau fizikal am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Penyakit yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Diperlukan Secara Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat-ubatan pencegahan atau pemeriksaan yang dibuat oleh Doktor Perubatan, dan rawatan khusus untuk pengurangan atau penambahan berat badan.
10. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja, semasa siuman atau tidak siuman.
11. Perang atau sebarang bentuk peperangan, diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau penganas, perkhidmatan aktif di dalam mana-mana angkatan tentera, penglibatan langsung di dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau rampasan kuasa.
12. Radiasi terion atau pencemaran oleh radioaktif dari sebarang bahanapi nuklear atau sisa nuklear dari proses belahan nuklear atau dari sebarang bahan senjata nuklear.
13. Perbelanjaan ditanggung akibat pendermaan sebarang organ tubuh oleh Orang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
14. Siasatan dan rawatan untuk gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, khidmat perubatan atau bekalan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat chiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan ahli herba, urutan atau terapi aroma, atau rawatan alternatif lain.
15. Penjagaan atau rawatan di mana bayaran tidak diperlukan atau ianya telah dibayar oleh penginsurans lain atau gantirugi melindungi Orang Diinsuranskan dan Penyakit akibat tugas atau pekerjaan telah dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.
16. Psikotik, gangguan mental atau jiwa (termasuk sebarang kemurungan dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik daripadanya).
17. Kos dan Perbelanjaan untuk perkhidmatan bukan berbentuk perubatan seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan seumpamanya, kit/pek kemasukan dan lain-lain barangan bukan perubatan yang tidak dilayakkan.
18. Penyakit atau Kecederaan akibat sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan menggunakan kaki), sukan merbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjunan udara, luncur air, aktiviti bawah air yang memerlukan peralatan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.
19. Penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang berbayar di dalam sebarang syarikat penerbangan berjadual komersil yang dilesenkan untuk membawa penumpang mengikut laluan yang ditetapkan.
20. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pertukaran jantina

PERUNTUKAN AM

1. ORANG YANG LAYAK

- a) **Kakitangan** – Orang yang Layak untuk insurans di bawah Polisi adalah pekerja Orang Diinsuranskan yang bekerja sepenuh masa sekarang dan akan datang dan terlibat secara aktif melakukan kerja biasa mereka pada tarikh yang orang tersebut layak untuk menyertai Polisi.

- b) **Kakitangan Semasa** layak menyertai insurans pada tarikh mula Polisi. Kakitangan akan datang layak menyertai insurans mengikut tarikh yang dinyatakan di dalam borang permohonan.
- c) **Kakitangan Tidak Terlibat Secara Aktif** - Jika kakitangan tidak terlibat secara aktif melakukan kerja biasa mereka pada tarikh beliau sepatutnya layak selaras dengan syarat di atas, tarikh kelayakan beliau akan ditangguhkan kepada (151) hari pertama bulan serta-merta selepas beliau kembali aktif bekerja sepenuh masa.

2. TANGGUNGAN

Tanggungan kakitangan juga layak untuk insurans selaras dengan syarat yang dinyatakan di dalam borang permohonan untuk jumlah manfaat yang sama seperti kakitangan pada hari yang sama kakitangan tersebut menjadi layak. Jika tanggungan dilumpuhkan oleh penyakit atau kecederaan pada tarikh beliau sepatutnya layak, tarikh kelayakan beliau akan ditunda ke tarikh selepas beliau pulih sepenuhnya daripada penyakit.

3. TARIKH KUAT KUASA INSURANS INDIVIDU

- a) **Kakitangan** - Insurans setiap kakitangan layak semasa dan akan datang akan berkuat kuasa pada tarikh kelayakan kakitangan dengan syarat kakitangan tersebut memohon untuk mendaftar untuk insurans dengan melengkapkan dan mengembalikan borang pendaftaran yang disediakan oleh Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kelayakan beliau. Jika tidak, insurans kakitangan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Syarikat selepas kakitangan tersebut telah menyerahkan borang pendaftaran dan menyerahkan bukti perubatan boleh diinsuranskan yang memuaskan yang diperlukan oleh Syarikat tanpa sebarang perbelanjaan kepada Syarikat.
- b) **Tanggungan** - Insurans tanggungan akan berkuat kuasa pada tarikh kelayakan tanggungan, dengan syarat kakitangan yang diinsuranskan memohon untuk mendaftarkan tanggungan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kelayakan tanggungan. Jika tidak, insurans orang tanggungan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Syarikat selepas Tanggungan dengan perbelanjaan sendiri, menyerahkan bukti perubatan boleh diinsuranskan yang memuaskan yang kepada Syarikat.

SYARAT AM

1. MAKSUD

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ekspresi yang mana maksud spesifik telah ditakrifkan di dalam mana-mana bahagian Polisi ini atau di dalam Jadual akan membawa maksud spesifik yang sama di mana sahaja ia tertera.

2. TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Polisi ini akan berkuat kuasa seperti pada tarikh yang dinyatakan di dalam jadual polisi. Ulang Tahun Polisi adalah satu tahun selepas tarikh kuat kuasa insurans dan secara tahunan selepas itu. Pada setiap ulang tahun tersebut, Polisi ini diperbaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa tersebut sebagaimana dimaklumkan oleh Syarikat dan Syarikat akan memaklumkan secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum perubahan dikuat kuasakan.

Polisi ini boleh diperbaharui mengikut opsyen Syarikat. Permohonan untuk mengubah manfaat kepada plan lebih tinggi hanya boleh dilakukan semasa pembaharuan dan tertakluk kepada penerimaan Syarikat semasa pembaharuan.

3. WILAYAH GEOGRAFI

Semua manfaat yang disediakan di dalam polisi ini berkuat kuasa di seluruh dunia untuk dua puluh empat (24) jam sehari.

4. RAWATAN LUAR NEGARA

Jika Orang Diinsuranskan mendapatkan rawatan di luar negara, manfaat bagi rawatan itu hendaklah dilindungi, tertakluk kepada pengecualian, had dan syarat yang dinyatakan dalam Polisi ini dan semua manfaat akan dibayar berdasarkan kadar pertukaran rasmi pada hari terakhir Tempoh Kemasukan dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan, dengan syarat;

- a) Orang Diinsuranskan melancong ke luar negara atas sebab selain daripada untuk rawatan perubatan, perlu dimasukkan ke Hospital di luar Malaysia akibat Kecemasan Perubatan
- b) Atas saranan Pakar Perubatan, Orang Diinsuranskan perlu dipindahkan ke Hospital di luar Malaysia untuk mendapatkan rawatan, bantuan, maklumat atau keputusan spesifik yang diperlukan yang tidak boleh diberikan atau disediakan atau diambil di Malaysia.

Rawatan di luar negara untuk penyakit, sakit atau kecederaan yang didiagnosis di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau kronik di mana rawatan boleh ditunda sehingga kembali ke Malaysia dikecualikan.

5. PINDAAN

Syarikat mempunyai hak untuk meminda terma dan peruntukan Polisi ini dengan memberi notis awal 30 hari secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir pemilik dalam rekod Syarikat, dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh pembaharuan Polisi seterusnya. Pindaan kepada Polisi ini tidak sah kecuali jika Dibenarkan oleh Syarikat dan kelulusan itu diendoskan kepadanya. Penginsurans dikehendaki memberi notis awal 30 hari secara bertulis kepada pemegang polisi yang dihantar ke alamat terakhir yang direkodkan mengenai sebarang pindaan yang dilakukan.

6. PEMBATALAN

Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pemegang Polisi pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat; dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat dalam tahun polisi semasa, Pemegang Polisi layak mendapat pengembalian premium seperti berikut:

Tempoh Tidak Melebihi	Pemulangan Semula Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Bayaran Balik

7. PENGESAHAN, MAKLUMAT DAN BUKTI

Semua sijil, maklumat, laporan perubahan dan bukti yang mungkin diperlukan oleh Syarikat hendaklah diserahkan dengan perbelanjaan Orang Diinsuranskan, dan dalam bentuk yang mungkin ditetapkan oleh Syarikat. Semua notis yang diperlukan daripada Orang Diinsuranskan mestilah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat. Orang Diinsuranskan akan, apabila diminta dan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, melakukan pemeriksaan perubahan apabila dianggap perlu.

8. UNDANG-UNDANG KAWAL SELIA

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia dan ia tertakluk dan dikawal selia oleh undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

9. KESILAPAN PERNYATAAN UMUR

Jika umur Orang Diinsuranskan telah silap dinyatakan dan premium dibayar telah menjadi tidak mencukupi, sebarang tuntutan yang perlu dibayar di bawah Polisi ini akan dikira secara pro-rata berdasarkan nisbah premium sebenar dibayar kepada premium yang seharusnya dibayar untuk tahun tersebut. Sebarang lebihan premium yang mungkin telah dibayar berdasarkan silap nyata umur tersebut, akan dikembalikan tanpa faedah.

Jika berdasarkan umur sebenar Orang Diinsuranskan tidak layak untuk mendapatkan perlindungan di bawah Polisi ini, tiada manfaat akan dibayar.

10. PERUBAHAN DALAM RISIKO

Orang Diinsuranskan dikehendaki memberi notis bertulis serta-merta kepada Syarikat mengenai sebarang perubahan ketara dalam pekerjaan, perniagaan, tanggungjawab atau hobi beliau dan membayar sebarang premium tambahan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.

11. SUBROGASI

Jika Syarikat dipertanggungjawabkan untuk sebarang bayaran di bawah Polisi ini, Syarikat akan mengsubrogasikan bayaran tersebut untuk semua hak dan remedi Orang Diinsuranskan terhadap mana-mana pihak dan akan berhak, atas perbelanjaan sendiri, untuk

mengemukakan saman atas nama Orang Diinsuranskan. Orang Diinsuranskan akan memberi atau diminta untuk memberi semua bantuan yang diperlukan kepada Syarikat untuk membolehkan Syarikat mendapatkan hak dan remedi dan atas permintaan Syarikat, akan menyerahkan atau diminta untuk menyerahkan semua dokumen yang diperlukan untuk membolehkan Syarikat melakukan saman tersebut atas nama Orang Diinsuranskan.

12. SUMBANGAN

Jika Orang Diinsuranskan mempunyai insurans lain yang melindungi sebarang penyakit atau kecederaan yang diinsuranskan oleh Polisi ini, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kadar yang lebih besar untuk penyakit atau kecederaan itu daripada jumlah berkenaan yang ditanggung di bawah Polisi ini berbanding jumlah kesemua insurans sah yang melindungi penyakit atau kecederaan tersebut.

13. BAYARAN-BERSAMA UNTUK NAIK TARAF BILIK DAN PENGINAPAN

Jika Orang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital pada kadar Bilik & Penginapan yang lebih tinggi daripada manfaat layak beliau, Orang Diinsuranskan perlu menanggung 20% daripada manfaat layak lain yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

14. PEMILIKAN POLISI

Kecuali dinyatakan sebaliknya melalui Pengendorsan di dalam Polisi, Syarikat berhak untuk menganggap Pemegang Polisi sebagai pemilik mutlak Polisi. Syarikat tidak terikat untuk mengiktiraf mana-mana ekuiti atau tuntutan lain ke atas atau berkepentingan di dalam Polisi, dan penerimaan Polisi atau Manfaat oleh Pemegang Polisi (atau oleh wakil peribadi sah beliau atau wakil dibenarkan) sahaja yang akan berkuat kuasa untuk menamatkan semua tanggungjawab dan liabiliti Syarikat. Pemegang Polisi dianggap sebagai Prinsipal atau Ejen bertanggungjawab kepada Orang Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini.

15. TEMPOH MENUNGGU

Kelayakan untuk manfaat bermula 30 hari selepas Orang Diinsuranskan dimasukkan ke dalam Polisi, kecuali untuk Kemalangan yang dilindungi yang berlaku selepas tarikh kuat kuasa perlindungan.

16. KEDIAMAN LUAR NEGARA

Tiada manfaat akan dibayar bagi sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang Diinsuranskan di luar Malaysia, jika Orang Diinsuranskan menetap atau berada di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

17. PENGAMBILALIHAN POLISI

Jika Polisi ini bermula sebaik sahaja selepas penamatan polisi terdahulu dan jika Orang Diinsuranskan telah ditimpa hilang upaya perubatan sebelum atau pada masa polisi ini bermula (dan manfaat di bawah polisi yang terdahulu akan menjadi yang boleh digunakan olehnya), maka Orang Diinsuranskan akan terus dilindungi bagi hilang upaya yang sedia ada, tetapi tidak melebihi had polisi terdahulu dengan syarat Syarikat telah memperolehi satu salinan polisi terdahulu.

18. NAIK TARAF POLISI

Jika Manfaat Layak untuk mana-mana Orang Diinsuranskan di bawah terma-terma Polisi ini telah dinaikkan semasa ia sedang berkuat kuasa atau pada masa Pembaharuan atau penggantian dan jika Orang Diinsuranskan telah ditimpa Hilang Upaya sebelum atau pada masa Manfaat telah dinaikkan, Had Manfaat yang perlu dibayar bagi Hilang Upaya itu tidak boleh melebihi Had Manfaat sebelum tarikh Manfaat telah dinaik taraf.

19. TUKARAN POLISI

Jika Manfaat Layak yang diperuntukkan di bawah Polisi ini telah ditukar daripada perlindungan sedia ada 'Had Dalam' kepada perlindungan 'Mengikut Bayaran/Pembayaran Balik Penuh', dan jika Orang Diinsuranskan telah ditimpa Hilang Upaya sebelum atau pada masa Manfaat telah ditukar, manfaat yang perlu dibayar bagi Hilang Upaya tersebut mestilah selaras dengan Jadual Manfaat sebelum tarikh Manfaat Layak telah ditukar.

20. TEMPOH BERTENANG

Jika Polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa jua sebab Orang Diinsuranskan memutuskan untuk tidak mengambil Polisi, Orang Diinsuranskan boleh mengembalikan Polisi kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan telah diserahkan oleh Orang Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh serahan Polisi. Orang

Diinsuranskan berhak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan Polisi.

21. SYARAT PENGELUARAN PORTFOLIO

Syarikat berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan produk insurans ini.

Pembatalan portfolio secara keseluruhan mestilah dimaklumkan melalui notis bertulis kepada pemegang polisi sekurang-kurangnya 30 hari sebelum penarikan balik portfolio dan Syarikat akan menghentikan semua polisi sehingga ke tarikh tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

22. PROSEDUR TUNTUTAN

22.1. KEJADIAN YANG MENYEBABKAN TUNTUTAN

- a) Orang Diinsuranskan dikehendaki memberi notis bertulis kepada Syarikat dalam masa 30 hari Hilang Upaya yang melibatkan perbelanjaan boleh tuntutan, dengan menyatakan butiran lengkap kejadian termasuk semua bil dan resit asal, dan laporan lengkap Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh Hilang Upaya bermula berdasarkan pendapat Pakar Perubatan dan ringkasan kos rawatan Pakar Perubatan termasuk ubat-ubatan dan perkhidmatan yang diberikan. Kegagalan untuk memberikan notis tersebut dalam tempoh yang dibenarkan tidak boleh membatalkan sebarang tuntutan jika ia dapat membuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis dan notis telah diberikan secepat mungkin.
- b) Orang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak mengikut nasihat perubatan yang sewajarnya dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab jika rawatan atau perkhidmatan menjadi diperlukan akibat kegagalan Orang Diinsuranskan berbuat demikian.

22.2. TUNTUTAN TIDAK LENGKAP

Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam masa 30 hari selepas berlaku kejadian yang menyebabkan tuntutan dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat layak tidak akan dibayar melainkan semua bil-bil tuntutan telah diserahkan dan dipersetujui oleh Syarikat. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang perbezaan atau penepian untuk perkara adalah di atas budi bicara Syarikat.

22.3. MATAWANG BAYARAN

Pematuhan dan memenuhi terma-terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini oleh Orang Diinsuranskan setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Diinsuranskan akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat.

23. SYARAT TERDAHULU KEPADA LIABILITI

Pematuhan dan memenuhi terma-terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini oleh Orang Diinsuranskan setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Diinsuranskan akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat.

24. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada Syarikat hendaklah secara bertulis dan dihantar ke Syarikat. Sebarang pindaan terma Polisi ini atau pengendorsan kepadanya, tidak sah kecuali ia ditandatangani atau diparap oleh wakil dibenarkan Syarikat.

25. SALAH NYATAAN/ PENIPUAN

Jika cadangan atau perakuan Orang Diinsuranskan didapati tidak benar dalam sebarang bentuk atau jika fakta penting yang mempengaruhi risiko tidak dinyatakan dengan betul di dalamnya atau dikeluarkan daripadanya, atau jika insurans ini, atau sebarang pembaharuan padanya, telah diperolehi melalui mana-mana silap nyata, salah perwakilan atau disekat, atau jika mana-mana tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokongnya, dengan itu dalam mana-mana kes tersebut, Polisi ini menjadi tidak sah.

26. PROSIDING GUAMAN

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh dibuat untuk mendapat semula Polisi sebelum luput enam puluh (60) hari selepas bukti tuntutan telah difailkan selaras dengan syarat-syarat Polisi ini. Jika Orang Diinsuranskan gagal menyerahkan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma, peruntukan dan syarat Polisi ini, Orang Diinsuranskan boleh, dalam tempoh ehsan satu tahun kalendar dari masa bukti bertulis mengenai kerugian perlu dilengkapi, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan

kepada Syarikat dengan alasan yang kukuh tentang kegagalan untuk mematuhi terma, peruntukan dan syarat-syarat. Penerimaan bukti kerugian tersebut adalah atas budi bicara mutlak dan sepenuhnya oleh Syarikat. Selepas tempoh ehsan tamat, Syarikat tidak akan menerima, atas sebarang sebab, bukti bertulis tentang kerugian tersebut.

27. TIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah. Jika mereka tidak bersetuju siapa yang menjadi Penimbang Tara dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis, maka kedua-dua pihak boleh melantik seorang Penimbang Tara setiap satu yang akan mendengar pertelingkahan tersebut secara bersama dengan seorang Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Bagaimanapun, ia adalah dengan syarat bahawa sebarang penafian oleh Syarikat ke atas mana-mana tuntutan di sini mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut.

28. UNTUK SENARAI PANEL HOSPITAL & KLINIK

- a) Anda boleh layari laman sesawang kami di :
www.rhbgroup.com > Menu > Products & Services > Insurance > General Information
atau
- b) Anda boleh lawati pautan di bawah:
 - i) Untuk senarai Panel Hospital MiCare <http://rhbgroup.com/uploads/files/products-and-services/personal/insurance/general-information/Micares-Panel-Hospital.pdf>
 - ii) Untuk senarai Panel Klinik MiCare <http://rhbgroup.com/uploads/files/products-and-services/personal/insurance/general-information/Micares-Panel-Clinic.pdf>

WARANTI/KLAUSA

(Klausula dan waranti berikut diguna pakai untuk Polisi ini)

PWE WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi syarat khas asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi ini / pengendorsan / sijil pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini akan dibatalkan secara automatik dan Syarikat berhak untuk mendapat premium pro-rata untuk tempoh di mana mereka telah menanggung risiko.

Sekiranya premium yang perlu dibayar selaras dengan Waranti ini diterima oleh ejen sah Syarikat, bayaran tersebut dianggap telah diterima oleh Syarikat untuk tujuan Waranti ini dan tanggungjawab membuktikan bahawa premium perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut hendaklah menjadi tanggungjawab Syarikat.

Tertakluk kepada terma-terma, pengecualian dan syarat-syarat Polisi.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan permintaan I keperluan anda dipenuhi.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi anda, sila hubungi ejen anda, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan anda dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau keaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, kami ingin membawa kepada perhatian anda bahawa anda boleh mengemukakan ketidakpuasan kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS), dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA MEMBUAT ADUAN?

Jika Anda tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan Kami, Kami ingin mendengar daripada Anda. Anda boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan Anda samada melalui panggilan telefon kepada operator Kami atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan Anda kepada:

Unit Pengendalian Aduan

Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277
E-mail: rhbi.general@rhbgroup.com WhatsApp: 012-603 1978

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan Anda dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, Anda akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan Anda tersebut.

Anda boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi Kami maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor Anda untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan Anda masih tidak berpuas hati, Anda boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)
(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Laman Web: www.fmos.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, Anda diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan Anda untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika Anda tidak menerima keputusan tersebut, Anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, Anda boleh menghantar ketidakpuasan hati Anda terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan Anda dan informasi Polisi Anda kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Web: www.insuranceinfo.com.

**HEAD OFFICE / IBU
PEJABAT**

**CUSTOMER RELATIONSHIP
CENTRE / KAUNTER KHIDMAT
PELANGGAN**

Level 12, West Wing, The Icon,
No.1, Jalan 1/68F,
Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2180 3000
Fax: 03 - 9281 2729
Website : insurance.rhbgroup.com

Level 1, Tower Three, RHB Centre,
Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Fax: 03 – 2163 7277, WhatsApp at [012-603 1978](tel:012-6031978)
Email : rhbi.general@rhbgroup.com